

## PARLIMEN-CHINA

KUALA LUMPUR, 24 OKT. (BERNAMA) -- DEWAN RAKYAT HARI INI DIBERITAHU BAHAWA TIDAKLAH BENAR PERANAN PERNAS DAN SISTEM PERLESENAN (AP) BAGI PENGIMPORAN BARANG-BARANG DARI CHINA KE NEGARA INI SEBAGAI PENGHALANG DALAM USAHA MENINGKATKAN PERDAGANGAN SECARA TERUS DENGAN NEGARA ITU.

TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN HAJI MUHYIDDIN YASSIN SEMASA MENJAWAB SOALAN ENCIK TAN KOK HOOI (BN-PADANG SERAI) BERKATA SEBALIKNYA SISTEM ITULAH YANG MEJAMIN DAN MEMASTIKAN PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA DAPAT DILAKSANAKAN.

BELIAU BERKATA PERKARA ITU DAPAT DIBUKTIKAN DARIPADA ANGKA-ANGKA IMPORT MALAYSIA DARI CHINA YANG TERUS MENINGKAT SETIAP TAHUN MESKIPUN SISTEM PERLESENAN ITU DIKUATKUASAKAN.

HAJI MUHYIDDIN BERKATA IMPORT MALAYSIA MENINGKAT DARIPADA \$492.9 JUTA TAHUN 1974 KEPADA \$625.8 JUTA TAHUN 1983 DAN TAHUN LALU PULA NILAINYA IALAH \$669.6 JUTA.

MENGENAI LAWATAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD KE CHINA BULAN DEPAN, BELIAU BERKATA, ANTARA LAIN TUJUANNYA IALAH UNTUK BERBINCANG DENGAN PARA PEMIMPIN NEGARA ITU MENGENAI PERKARA YANG BERKAITAN DENGAN HUBUNGAN PERDAGANGAN DAN EKONOMI DUA HALA. -- LAGI.

## PARLIMEN-CHINA 2 KUALA LUMPUR

+LAWATAN ITU JUGA MERUPAKAN USAHA MENINGKATKAN PERDAGANGAN SECARA TERUS ANTARA KEDUA-DUA NEGARA YANG SELAMA INI MASIH BELUM TERCAPAI,+ TEGASNYA.

SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN ENCIK SHAMSURI MOHAMAD SALLEH (BN-BALIK PULAU), BELIAU BERKATA LAWATAN ITU JUGA ANTARA LAIN AKAN MEMBINCANGKAN PERKARA EKONOMI DAN PERDAGANGAN DAN MENEKANKAN CARA MEMPERTINGKATKAN JUMLAH DAN KADAR PERDAGANGAN KEDUA-DUA BUAH NEGARA.

MALAYSIA, KATANYA, MASIH BELUM PUASHATI DENGAN JUMLAH PERDAGANGAN YANG LEBIH MENGUNTINGKAN CHINA.

PERDANA MENTERI JUGA, TAMBAHNYA MUNGKIN AKAN MEMBERI PANDANGAN KEPADA SIKAP CHINA YANG MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA NEGARA KETIGA SAPERTI HONG KONG DAN SINGAPURA DALAM URUSAN PERDAGANGAN DENGAN MALAYSIA.

SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN ENCIK ALIAS ALI (BN-ULU TERENGGANU) HAJI MUHYIDDIN BERKATA OLEH KERANA LAWATAN BELUM DIBUAT, ASPEK-ASPEK LAIN JUGA MUNGKIN AKAN DISENTUH OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI.

## PARLIMEN-CHINA 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI CADANGAN MENGURANGI IMPORT DARI CHINA, BELIAU BERKATA PERKARA ITU PERLU DILIHAT DALAM KONTEKS LEBIH LUAS.

KATANYA PERBINCANGAN MUNGKIN MEMBERI PENEKANAN KEPADA CARA MEMPERTINGKATKAN NILAI PERDAGANGAN DAN JIKA BOLEH MELUASKAN PASARAN BARANGAN NEGARA INI DAN MENINGKATKAN NILAI EKSPORT BUKAN DARIPADA SEGI KOMODITI SEMATA-MATA. -- BERNAMA.